



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### PERASMIAN SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN TAHUN 2024 PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN BERSEMPENA PELANCARAN LABUAN INTERNATIONAL SEA CHALLENGE (LISC 2024)

---

**LABUAN, 27 April 2024** – Sambutan Minggu Perpaduan Tahun 2024 Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan telah dirasmikan malam tadi oleh YB Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) bersempena dengan pelancaran Labuan International Sea Challenge (LISC 2024). Sambutan Minggu Perpaduan dilaksanakan bertujuan **mengukuhkan semangat patriotisme, nilai perpaduan, dan hubungan antara kaum sejajar dengan gagasan Malaysia MADANI**. Majlis ini turut dihadiri oleh YBrs. Tuan Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara.

Bersempena dengan Sambutan Minggu Perpaduan tahun 2024, Kementerian Perpaduan Negara telah menganjurkan **Siri Jelajah Kembara Perpaduan** yang akan menjelajah ke enam (6) lokasi. **Labuan merupakan lokasi ketiga (ke-3) bagi siri jelajah ini** selepas Negeri Sabah dan Negeri Sarawak, sekali gus merayakan Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.

Jelajah Kembara Perpaduan merupakan **simbolik pergerakan kapsul Sambutan Minggu Perpaduan bagi mengumpulkan Hasrat dan Harapan Rakyat Malaysia mengikut kluster-kluster di bawah Teras Strategik Kerangka Malaysia MADANI** di setiap lokasi. Hasil tersebut akan dibawa ke Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan yang akan dilaksanakan di Negeri Johor pada 23 hingga 26 Mei 2024 nanti.

Pelbagai aktiviti yang dirancang untuk sambutan di Wilayah Persekutuan Labuan antaranya Pameran Agensi Kerajaan, Pameran Rumah KAMI, Nostalgia Anak Kampung, Sukan Perpaduan, Persembahan Kebudayaan dan banyak lagi sebagai **usaha memperkukuh semangat perpaduan dengan memberi peluang kepada pengunjung untuk mengalami dan memahami budaya dan adat etnik yang berbeza**. Aktiviti ini tidak hanya menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat tetapi juga meningkatkan pemahaman terhadap adat resam dan budaya etnik, sekali gus **menyokong hasrat Kerajaan dalam mewujudkan masyarakat MADANI**.

Dalam pada itu, antara **acara menarik yang menjadi fokus utama adalah Malam Silang Budaya Perpaduan** yang akan dirasmikan pada malam ini oleh YBrs. Tuan Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.

Malam Silang Budaya Perpaduan memainkan peranan penting dalam **memupuk kefahaman, toleransi, dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya**. Ia membina hubungan silaturrahim serta jalinan sosial yang kuat di antara masyarakat berbeza latar belakang budaya, di samping dapat mempromosikan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu padu. Program ini turut **memberi kesedaran kepada masyarakat tentang keunikan budaya setiap etnik selain menyumbang kepada pembangunan negara dalam pelbagai bidang** seperti pelancongan, seni dan budaya, ekonomi, kolaborasi dan pertukaran budaya yang membawa impak positif.

Program ini melibatkan pelbagai pihak termasuk Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Pemimpin Masyarakat, Pemimpin-pemimpin Persatuan Etnik, Pemimpin-pemimpin Agama, dan NGO dalam memperkukuh nilai-nilai kesepaduan sosial.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

27 April 2024

---

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)